

20/09/2003

Rapat umum: PM anggap pembangkang belum matang

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Umno akan hanya bersetuju rapat umum diadakan pada pilihan raya umum akan datang, jika kempen dalam bentuk itu tidak mencetuskan sebarang masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, Majlis Tertinggi (MT) Umno pada mesyuaratnya semalam memutuskan bahawa kebenaran mengadakan rapat umum hanya boleh ditentukan polis kerana ia membabitkan soal keselamatan.

"Kerajaan pun terpaksa mendapat nasihat polis sama ada boleh mengadakan rapat umum atau tidak.

"Pihak lain boleh memberi pendapat mengenai perkara itu tetapi pada akhirnya polis yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat MT Umno di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, MT berpendapat kekecohan dalam pilihan raya kecil yang lalu, terutama di Lunas, Kedah, harus diambil kira sebelum rapat umum secara terbuka dibenarkan.

"Ini adalah hak rakyat dalam pilihan raya. Tapi kita harus ingat negara kita mudah diancam dan kita biasa lihat bagaimana ganasnya parti pembangkang di Lunas. Mereka sanggup menahan polis, masuk ke balai polis, menahan bas dan kad pengenalan pengundi.

"Cara mereka adalah cara samseng, yang mana ini kita tidak hairan, sebab mereka anggap Tuhan pun samseng.

"Jadi bagi mereka itulah cara Tuhan yang mahu mereka ikut. Tapi kita tidak percaya Tuhan samseng sebab itu kita lemah lembut dalam cara kita bertindak," katanya.

Ditanya apakah wajar rapat umum dibenarkan berdasarkan kejadian di Lunas itu, Dr Mahathir berkata, kejadian itu membuktikan pembangkang sebenarnya belum matang dalam amalan demokrasi.

"Kalau kita ambil kira peristiwa di Lunas, malah kes di kawasan saya sendiri di Kubang Pasu bila mana orang dari Kelantan datang ke kawasan saya, pukul orang saya dengan kayu, saya berpendapat bahawa mereka belum lagi matang dalam cara-cara demokrasi.

"Pembangkang berpendapat kalau jumlah mereka ramai dan kuat, mereka boleh jadi ganas. Kita tak berapa setuju dengan cara itu, pasal orang kita selalu beralah.

"Orang kita tak ganas, mereka harap polis akan melindungi mereka. Jadi dalam keadaan sebegini, selalu orang kita lebih cool," katanya.

Ditanya apakah Umno bersetuju dengan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan rapat umum pada pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata, Umno berpandu kepada pendapat polis.

"Kita adalah daripada parti kerajaan dan kerajaan bergerak mengikut nasihat daripada agensi-agensinya. Ini ada kaitan dengan keselamatan.

"Kalau pihak yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negara memberi nasihat, kerajaan perlu timbang. Kerajaan ini adalah kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mana Umno menjadi anggotanya," katanya.

Ditanya apakah patut SPR membenarkan rapat umum terbuka, beliau berkata: "Saya tak tahu. Kalau kata tak patut, nanti dia kata dia kena control. Dia telah bagi tahu Malaysiakini bahawa dia tidak bebas.

"Kalau dia kata macam-macam pada kita, macam mana dia kata dia tak bebas pula. Saya tak tahulah kalau dia nak buat kenyataan kata dia tak bebas, itu hak dialah. Kita demokrasi," katanya.

Mengulas pendapat yang mengatakan kebenaran mengadakan rapat umum adalah syarat bagi mencerminkan negara ini mengamalkan demokrasi, Dr Mahathir berkata demokrasi banyak intepretasinya.

"Di negara liberal, kalau satu orang nak bogel, nak jalan tengah jalan pun, itu hak dia sebagai negara demokratik. Tapi apakah kita nak tiru cara

dia?

"Saya diberitahu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Cancun, Mexico, yang protes berkenaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), mereka berbogel dan semua tidur atas pantai membentuk huruf No To WTO.

"Kalau nak demokrasi macam ini tak apalah. Kita anggap demokrasi adalah hak rakyat memilih wakilnya mengikut jumlah undi. Itu asas demokrasi kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, di Malaysia, parti lawan boleh menang tetapi di negara lain yang kononnya demokratik, parti lawan tidak boleh menang dan jika menang pun, pembangkang tidak boleh duduk dalam Parlimen serta kena dakwa di mahkamah.

Kedaaan ini, katanya, berbeza dengan di Malaysia yang mana parti lawan boleh membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu, malah satu ketika dulu di Pulau Pinang dan Sabah.

"Jadi kita bebas. Kalau orang nak pilih parti lawan, ok lah. Kalau dia jadi kerajaan... ok lah. Itu cara demokrasi, bukannya pukul orang, maki orang, lempar fitnah, tahan bas," katanya.